

21 JUN 2003

Umno (Rangkuman)

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO BERAKHIR DENGAN IKRAR PERPADUAN

Oleh Ali Mamat

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Lagu "Di mana Kan Ku Cari Ganti" ciptaan seniman agung Tan Sri P. Ramlee yang dinyanyikan wakil Selangor Datuk Zainal Sakom bersama para perwakilan menceritakan segala-galanya tentang senario yang menyelubungi babak-babak akhir Perhimpunan Agung Umno 2003 di sini hari ini.

Di sebalik mempamerkan iltizam dan semangat berkobar-kobar setiap pemimpin dan perwakilan yang membenteng, mencadang atau membahaskan pelbagai usul di perhimpunan tiga hari itu, tiada seorangpun daripada mereka yang tidak menyuarkan rasa sedih di atas hakikat bahawa inilah Perhimpunan Agung yang terakhir dihadiri oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti.

Suasana serupa turut menyelubungi persekitaran dewan persidangan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang dibanjiri puluhan ribu anggota dan penyokong yang ingin mendengar pesanan serta amanat terakhir presiden parti yang telah lebih 20 tahun mengemudi bahtera Umno menempuhi pelbagai pancaroba.

Dr Mahathir telah menyatakan hasratnya untuk melepaskan jawatan Perdana Menteri dan Presiden Umno selepas Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) Oktober depan. Beliau juga telah menamakan timbalannya Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi untuk mengambil alih kedua-dua jawatan itu.

Membaca baris demi baris lirik lagu itu, memang boleh dimengertikan betapa "kehilangan" negarawan terulung itu benar-benar akan dirasai, bukan sahaja oleh anggota Umno di dalam dan di luar dewan perhimpunan, tetapi juga rakyat keseluruhannya.

Bagaimanapun, ketika menggulung perbahasan pada akhir persidangan itu, Dr Mahathir mampu mengendurkan "tekanan perasaan" itu dengan menarik fokus mereka kepada isu-isu yang lebih utama yang jika diabaikan boleh menggugat Umno, sekaligus mengancam maruah bangsa, kesucian agama dan kedaulatan negara.

Ia termasuk mengajak anggota Umno menggembeleng seluruh tenaga untuk berhadapan dengan parti lawan pada pilihan raya umum akan datang, khususnya PAS yang disifatkannya sebagai duri dalam daging kepada kesejahteraan umat Islam kerana penyelewengan mereka di dalam mentafsir ajaran Islam sebenar.

Beliau juga mengajak seluruh barisan kepimpinan dan anggota Umno supaya memberi sokongan padu kepada Abdullah yang bakal mengemudi bahtera parti dan negara, lebih-lebih lagi dalam menghadapi ancaman kuasa asing terhadap negara dan umat Islam.

Abdullah sendiri turut memainkan peranan meredakan suasana. Dalam ucapan penggulangannya beliau berjaya meyakinkan anggota bahawa walaupun secara fizikalnya Dr Mahathir mengambil keputusan untuk berundur, secara semangatnya beliau akan terus bersama-sama mereka menerusi nasihat dan pandangan secara langsung atau penterjemahan segala wawasan dan buah fikirannya.

Beliau juga berjanji akan menimbang penubuhan Institut Pemikiran Mahathir sebagai salah satu penghormatan negara dan rakyat ke atas jasa-jasa besar yang telah ditabur serta wawasan dan ide berpandangan jauh yang telah dicetus oleh Dr Mahathir.

Abdullah turut memaklumkan kepada perwakilan bahawa Dr Mahathir sendiri telah memberi perakuan kepadanya secara peribadi bahawa beliau (Dr Mahathir) akan sentiasa bersedia meluangkan masa, tenaga dan fikiran demi membantu perjuangan Umno.

"Cakap saja, saya akan datang membantu anda (Just tell me, I will be there to help you)," Abdullah memetik Dr Mahathir sebagai berikrar kepadanya.

Perakuan itu serta gurau senda dan jenaka Dr Mahathir sendiri ketika menggulung perbincangan itu ternyata dapat menenangkan keadaan.

Seperti kata Abdullah, perhimpunan pada kali ini memang layak digelar sebagai satu perhimpunan perpaduan Melayu yang terbesar pernah diadakan apabila semua pihak memberi perakuan akan menyokong siapa saja yang akan dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri selepas Abdullah mengambil alih jawatan Perdana Menteri.

Mereka termasuk ketiga-tiga orang Naib Presiden parti iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Muamad Taib yang salah seorang daripadanya secara tradisi bakal mengisi jawatan Timbalan Presiden Umno dan sekaligus Timbalan Perdana Menteri.

Selain memberi sokongan, mereka masing-masing berjanji akan terus berjuang bersama-sama Umno, sama ada dilantik atau tidak oleh Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Segala janji itu membolehkan para perwakilan serta anggota parti pulang ke kampung halaman masing-masing dengan penuh keyakinan serta semangat yang berkobar-kobar untuk memenuhi segala ikrar yang telah mereka lafazkan sepanjang berlangsungnya Perhimpunan Agung Umno itu.

-- BERNAMA
AM KHY ROS